

PERUTUSAN HARI RAYA AIDILFITRI

RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA, 30 JANUARI 1998

Ucapan ini hanya boleh disiarkan dan diterbitkan pada malam Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Bismillahir rahmanir rahim Allahu Akbar Allahu Akbar Allahu Akbar Walillahilhamd

Tuan-tuan dan Puan-puan, Muslimin dan Muslimat sekalian,

1. Tahun ini kita menyambut Hari Raya Aidilfitri dalam keadaan negara menghadapi kelembapan ekonomi disebabkan oleh kejatuhan nilai tukaran Ringgit kita dengan matawang asing. Namun demikian kita harus bersyukur kerana kita masih dapat menyambutnya dalam keadaan aman dan tenteram dengan kemampuan merayakannya hanya sedikit berbeza daripada tahun-tahun terdahulu dari ini. Jika kita tahu mengurus kehidupan kita, kesan kejatuhan tidak akan dirasakan sangat.

2. Seperti yang saya telah jelaskan, turunnya nilai Ringgit kita berbanding dengan Dolar Amerika tidak mempunyai apa-apa kesan kepada kita melainkan jika kita membeli barangan asing atau isi kandungan yang diimport. Ini dapat kita kurangkan kerana selain daripada Kerajaan mengawal kenaikan harga dan menentukan bekalan mencukupi, kita sendiri dapat mengurangkan penggunaan barangan luar negeri atau mengganti dengan barangan lain dari dalam negeri yang lebih murah dan tidak kurang bekalannya.

3. Oleh kerana pada umumnya Kerajaan dan kita juga tidak panik dan kita tertib, maka kesan kejatuhan nilai tukaran Ringgit kita tidaklah memaksa kita meminta pertolongan dari dana kewangan asing yang sudah tentu akan mengenakan syarat-syarat yang akan menyusahkan kita lagi.

4. Apa yang kita telah buat ialah mengawal diri kita tanpa dipaksa dan kita bertindak dan bersikap sederhana dalam segala-gala hal. Kawalan diri atau disiplin ini tidaklah berbeza dengan kawalan nafsu semasa berpuasa. Sebenarnya ia adalah hasil daripada latihan yang kita dapati daripada ibadat puasa. Ibadat puasa ini kita lakukan bukan semata-mata kerana ianya wajib tetapi kerana kita tahu ia mempunyai khasiat-khasiat lain yang boleh menolong kita menghadapi cabaran hidup dan mencari kejayaan. Dan hari ini kita lihat dengan jelas betapa ibadat puasa membekalkan kita dengan kemampuan menghadapi tekanan ke atas kita dan negara kita, tekanan yang jika tidak dapat ditangkis akan menjadikan kita dan negara kita sekali lagi dijajah oleh orang asing.

5. Saya tidak perlu memperingati orang Islam di Malaysia mengenai satu lagi tekanan ajaran agama kita yang suci, iaitu terhadap perlunya kesederhanaan dan kesabaran. Berkali-kali di dalam Al-Quran kesederhanaan dan kesabaran ditekankan sebagai sifat yang mulia yang perlu ada pada orang Islam. Kebanyakan daripada masalah yang dihadapi oleh orang Islam adalah disebabkan mereka tidak berpegang teguh kepada ajaran Islam berkenaan kesederhanaan dan kesabaran.

6. Oleh kerana itulah terdapat permusuhan sesama orang Islam yang menyebabkan ramai orang yang tidak ada kena- mengena dengan permusuhan ini dibunuh dengan kejam, termasuk kanak-kanak kecil dan orang tua. Ada juga pelancong asing yang dibunuh semata-mata kerana permusuhan politik antara sesama Islam.

7. Malangnya mereka mendakwa melakukan perbuatan yang kejam dan tidak berperikemanusiaan ini atas nama Islam. Sebenarnya Islam tidak sekali-kali mengizinkan pembunuhan seperti ini baik di antara orang Islam ataupun ke atas orang bukan Islam yang tidak bermusuhan dengan kita atas tujuan apa sekalipun. Jauh sekali Islam membenarkan perbuatan seperti ini kerana agama Islam. Mereka yang melakukan semua ini membuat dosa yang besar. Bagaimanakah berani mereka mendakwa mereka berjuang atas nama Islam, kononnya ingin menegakkan agama Islam? Apa yang dilakukan oleh mereka sebenarnya melemahkan umat Islam dan memburukkan Islam dalam pandangan orang lain.

8. Inilah yang berlaku apabila manusia tidak memiliki sifat sederhana dan sabar, sifat-sifat yang dituntut oleh agama Islam yang suci yang juga menjadi sebahagian daripada ibadat puasa. Kerana terlalu ekstrim dan fanatik, tidak dapat tidak kita akan sesat dan lari jauh daripada tuntutan dan ajaran Islam, bahkan daripada sifat- sifat yang dimuliakan oleh semua tamadun manusia. Dengan itu perjuangan kita untuk agama Islam akan terjejas dan tidak dapat dijayakan.

9. Keterlaluan dan fanatisme bukan sahaja disebabkan oleh salah tafsiran ajaran agama. Kita dapati fanatik kaum dan puak juga demikian. Kita tahu di Bosnia, orang yang dahulu hidup berbaik-baik boleh dengan tiba-tiba, kerana didorong oleh fanatik suku kaum, menyerang dan membunuh, merogol jiran mereka yang sekian lama mereka kenal dan tidak bermusuhan itu. Keganasan yang mereka lakukan amat mengerikan sedangkan dahulu mereka adalah rakyat negara yang sama. Demikianlah terjadi kepada mana- mana kumpulan apabila fanatisme dan keterlaluan mengganti kesederhanaan dan kesabaran.

10. Alhamdulillah, di Malaysia tidak terdapat ramai yang ekstrim dan fanatik. Namun ada juga yang begitu mengutamakan kumpulan mereka sehingga sanggup menanggung di air yang keruh. Semasa negara menghadapi masalah ekonomi sepatutnya kita daripada semua kaum dan kumpulan atau kesatuan, merapatkan barisan untuk mempertahankan negara kita. Kita tahu bahawa ada usaha untuk menjajah kita semula. Perjuangan melawan penjajahan oleh orang asing adalah tanggungjawab semua rakyat Malaysia. Malang sekali ada orang tertentu dan kumpulan yang cuba mengambil kesempatan daripada masalah ekonomi negara untuk memajukan politik diri dan kumpulan mereka.

11. Kita adalah sebuah negara demokratik yang mana suara ramai dihormati dan suara minoriti bebas disuarakan dan diberi pertimbangan yang wajar. Kerajaan Malaysia dipilih oleh rakyat dan diberi hak untuk memerintah sehinggalah pemilihan dibuat semula. Dalam keadaan tekanan asing ke atas kita sekarang Kerajaan perlu kepada sokongan semua pihak untuk menangannya. Amalan demokrasi adalah untuk kebaikan kita dan bukan kita

yang harus dikorbankan untuk kononnya menunjuk betapa demokratiknya kita sehingga kita dijajah semula oleh orang asing.

12. Walaupun pihak asing bercakap tidak berhenti-henti tentang demokrasi tetapi kita lihat mereka tidak segan-segan memaksa Kerajaan yang dipilih secara demokratik menerima arahan mereka. Mereka ini tidak dipilih oleh kita atau oleh sesiapa. Mereka hanyalah peniaga-peniaga negara asing yang mengutamakan keuntungan bagi diri mereka semata-mata. Namun mereka berpendapat mereka bertanggungjawab untuk mendisiplinkan Kerajaan-kerajaan negara lain yang dipilih oleh rakyat. Jika Kerajaan tidak patuh kepada arahan mereka maka berbagai-bagai tekanan kewangan dan ekonomi dikenakan kepada Kerajaan dan rakyat. Sebenarnya penekanan ke atas rakyat menjadi cara untuk memaksa Kerajaan mematuhi arahan dan kehendak mereka. Di manakah terdapat demokrasi daripada tindakan mereka ini?

13. Kita harus faham bahaya yang besar yang dihadapi oleh negara kita. Jika kita tidak berjaga-jaga kita akan dijajah semula dengan penjajahan yang tidak kurang menghinakan. Maruah kita yang belum dapat kita tebus sepenuhnya akan hancur sekali lagi. Dan kali ini mungkin kita tidak akan dapat memulihnya lagi.

14. Yang diperlukan daripada kita hanyalah sedikit pengorbanan dan kesabaran. Kita tahu kemiskinan yang lebih teruk tidak lama dahulu dan kita tahu kita dapat mengatasinya. Jika kita sanggup menghadapi cabaran insya-Allah kita akan mengatasinya sekali lagi. Ini bukan masanya bagi kita memperjuangkan kepentingan diri atau puak atau parti. Jika perpecahan berlaku di kalangan kita dan tindakan kita menjadi kurang berkesan, maka dengan itu ekonomi kita akan merosot lagi dan pihak asing berjaya menguasai kita, percayalah nasib kita semua akan menjadi sama buruk, termasuk mereka yang cuba mengambil peluang memeralatkan masalah yang dihadapi oleh negara.

15. Jika kita berpegang kepada ajaran Islam, terutama yang berkaitan dengan mengawal nafsu, kesederhanaan dan kesabaran di bulan Ramadan, insya-Allah kita akan berjaya dalam usaha menyelamatkan negara daripada dijajah semula. Kita telah melihat bagaimana rakyat negara lain yang terpaksa tunduk kepada agensi bantuan antarabangsa kini menderita. Pekerja mereka menganggur, syarikat dan bank mereka ditutup, barangan meningkat harga dan tidak dapat dibekal secukupnya dan banyak lagi tekanan hidup terpaksa dialami. Jika kita tidak ingin semua ini berlaku kepada kita maka hendaklah kita elak daripada mengutamakan kepentingan diri atau kaum atau pertubuhan tetapi sebaliknya kita mengutamakan perpaduan. Ini bukan bermakna perjuangan kita akan terhenti berterusan. Apabila kita telah dapat mengatasi masalah yang dihadapi kita boleh kembali memperjuangkan semula apa juga perjuangan kita. Janganlah kita menyebabkan pecah-belah di kalangan kita dan melemahkan tumpuan kita kepada usaha mengatasi masalah ekonomi negara kita.

16. Sehingga kini, Alhamdulillah kita masih berjaya mempertahankan kebebasan kita. Sebabnya ialah kerana kita telah membina asas-asas yang kukuh. Sokongan kuat oleh majoriti rakyat membolehkan Kerajaan mengurus

pentadbiran negara tanpa dipengaruhi oleh mana-mana kumpulan yang ingin menggunakan kuasa Kerajaan secara yang tidak bijak. Kerajaan dapat mengutamakan kepentingan negara dan bukan kepentingan mana-mana kumpulan. Kita dapat perhatikan bahawa di mana Kerajaan lemah dan terpaksa bergantung kepada penyokong-penyokong tertentu untuk kekal sebagai Kerajaan, maka wujud pilih kasih sehingga perbuatan yang merugikan negara dilakukan. Apabila ini berlaku maka negara menjadi lemah dan mudah diserang oleh pihak tertentu. Tetapi oleh kerana Kerajaan Malaysia kukuh dan tidak takut dijatuhkan oleh mereka yang dekat dengannya, maka dasar yang dibentuk dan tindakan yang diambil adalah yang sihat, wajar dan tidak melemahkan negara.

17. Sekarang ternampak jelas kebijaksanaan rakyat yang memberi mandat yang besar kepada Kerajaan. Di mana-mana sahaja di mana Kerajaan tidak mempunyai mandat yang kuat, bukan sahaja dasar dan pentadbiran menjadi lemah, tetapi Kerajaan juga menjadi terlalu lemah untuk mempertahankan kebebasan negara. 18. Pada hari yang mulia ini kita ingin bergembira sedikit dan melupakan masalah yang kita hadapi. Ini memang wajar. Tetapi kegembiraan Hari Raya adalah kerana kita telah berjaya melawan nafsu sepanjang bulan Ramadan. Kita bukan gembira tanpa sebab. Kita gembira kerana berasa syukur bahawa kita berjaya mengatasi godaan nafsu.

19. Tetapi tahun ini kejayaan kita adalah lebih besar. Kita bukan sahaja dapat melawan nafsu yang menyerang diri kita sendiri tetapi kita juga dapat melawan perasaan kecewa dan marah kerana tekanan-tekanan lain yang melanda kita seperti sedikit kekurangan bekalan dan kenaikan harga barangan. Kerana kita tertib dan tidak bertindak secara liar, maka puasa kita lebih bermakna. Demikian juga perayaan kerana kejayaan kita melawan nafsu lebih berasas dan bererti.

20. Tahun ini sekali lagi Raya Puasa disambut hampir bersama dengan Tahun Baru Cina. Walaupun orang Islam dan orang Cina merayakan hari kebesaran masing-masing kerana sebab-sebab yang berlainan tetapi kita harus ambil kesempatan ini untuk menjalin perhubungan yang baik antara dua kaum yang besar ini. Dapatnya kita merayakan hari kebesaran masing-masing dengan aman dan tenang ialah kerana di negara kita hubungan kaum tidak menjadi masalah. Justeru itu, sepatutnyalah kita pertingkatkan lagi hubungan yang baik ini kerana kedua-dua kita mendapat manfaat daripadanya.

21. Apa yang dipanggil kongsi Raya tidak bermakna perayaan kita disatukan. Ia hanya bermakna kita rayakan hari-hari kebesaran kita bersama. Kebolehan kita merayakan hari kebesaran kita bersama adalah bukti pemahaman kita dalam menangani masalah hubungan kaum di negara kita. Tentulah ianya lebih baik daripada permusuhan yang buta-tuli yang kita lihat di sesetengah negara yang menyebabkan tiada siapa boleh merayakan hari raya dengan sempurna.

22. Walaupun Tahun Baru Cina jatuh semasa kaum Muslimin masih berpuasa, lawatan yang kita buat ke atas rakan kita daripada kaum Cina tidak menghalang kita daripada terus berpuasa. Orang Cina menghormati puasa orang Islam dan tidak akan menjemput kita makan atau membuat apa-apa yang bertentangan dengan agama kita. Sebaliknya kefahaman mereka akan ibadat puasa di

kalangan orang Islam boleh meningkatkan pengetahuan mereka tentang pantang-larang orang Islam. Dan ini akan menolong menjalin hubungan yang baik antara kaum, yang mana ini akan menjadikan negara kita terus aman dan berdaya tahan. Kemajuan negara kita banyak bergantung kepada keamanan dan kekuatan ini. Justeru itu lawatilah kawan dan rakan semasa perayaan masing-masing.

23. Walaupun negara menghadapi masalah ekonomi tetapi keadaan dalam negara kita masih membenarkan kita merayakan Hari Raya Aidilfitri ini dalam keadaan yang tidak terlalu menekan, dengan bekalan yang cukup tanpa apa-apa kesulitan. Justeru itu, kita harus bersyukur kerana semua ini adalah nikmat yang dikurniakan kepada kita oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala. Seperti yang disebut dalam Al-Quran, orang yang tahu bersyukur akan menerima lebih banyak nikmat. Insya-Allah masalah kita akan dapat dipulih dan kita akan kembali kepada keadaan seperti dahulu, tetapi lebih bijak dan lebih arif akan cabaran dan ancaman yang kita perlu hadapi sepanjang masa. Segala yang kita hadapi adalah ujian Tuhan dan kita harus atasi segala cabaran dengan tabah hati dan insya-Allah kita akan berjaya.

24. Sempena kita menyambut Hari Raya Aidil Fitri tahun ini saya bagi pihak Kerajaan, diri saya, isteri saya dan keluarga saya memohon maaf zahir dan batin atas apa juga kesalahan dan kesilapan kami terhadap sesiapa.

25. Kepada semua umat Islam saya ucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri yang mulia. Bagi anggota-anggota Pasukan Keselamatan kita di negara asing, bersabarlah dan Rayalah hari yang mulia ini.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Allahu Akbar Allahu Akbar Allahu Akbar Walillahilhamd